

Semangat berjuang

Jamal terus bertarung walaupun tangan kanannya dikhuatiri patah

Oleh YUSOFF RAHMAN
dari Bandar Seri Begawan

JAMAL Jantan, pesilat Singapura yang gagal mengatasi cabaran peringkat separuh akhir acara silat kelas F Lelaki di Pusat Belia pagi semalam, khuatir tangan kanannya telah patah.

Berusia 30 tahun, Jamal, pemenang pingat gangsa Sukan SEA Kuala Lumpur tewas di tangan pemenang pingat emas sukan yang sama, Fuzaidi Abdul Rahman dari Malaysia.

"Saya khuatir tangan kanan saya patah," kata Jamal, yang sebelum ini telah mengalami kecederaan selepas mengalahkan Mohamed Hussin Mahmud dari Brunei dua hari lalu.

"Saya sering mengalami kecederaan dan tidak menghadapi masalah untuk mengenggam jari tangan saya. Tetapi kini, saya tidak boleh berbuat demikian. Saya khuatir tangan kanan saya patah," beliau menerangkan.

Kepada pertanyaan kenapa beliau meneruskan perlawanan sekalipun tangannya itu telah cedera, Jamal berkata: "Dalam silat, biasanya seseorang peserta itu akan terus bertarung sekalipun cedera. - 8 MAR 1990

"Saya sengaja merahsiakan soal kecederaan saya itu kerana khuatir ia akan diketahui oleh orang lain," tambahnya.

Bagi Fuzaidi, pesilat yang berasal dari Selangor, beliau tidak menghadapi masalah kecederaan.

Berusia 25 tahun, Fuzaidi yang telah berkecimpung dalam sukan ini sejak 14 tahun, enggan meramalkan tentang peluangnya dalam pertandingan akhir.

"Saya sekadar berdoa kepada tuhan agar saya mem-

perolehi kemenangan nanti," katanya merendah diri.

Beralih kepada kecederaan yang dialami oleh Jamal, pemain yang berbadan tegap dan mempunyai kelebihan daripada ketinggian berbanding peserta Republik itu, memberitahu: "Bukan tujuan saya untuk mencederakan sesiapa.

"Jika boleh saya akan berusaha mengelakkan diri daripada mencederakan sesiapa kerana selepas perlawanan kami menjadi kawan semula," katanya.

Di tengah-tengah gelanggang, Fuzaidi terbukti lebih lincah dan agresif, dan dalam pusingan pertama, beliau banyak menyerang dengan Jamal bertahan untuk mengutip mata melalui tendangan yang kencang.

Tetapi Jamal kembali agresif dalam pusingan kedua dan pertarungan dalam pusingan ini agak seimbang dengan peserta Republik beberapa kali berpeluang melepaskan pukulan dan tendangan yang menemui sasarannya.

Begitupun, Fuzaidi terbukti lebih unggul dalam pusingan ketiga kerana Jamal kelihatan tidak dapat bertinjak sewajarnya kerana masalah kecederaan pada jari

dan tangan kanannya.


Jadi, apabila lima juri memutuskan bahawa Fuzaidi memenangi perlawanan ini, maka ia adalah keputusan yang memang dijangka.

Awal sebelum ini, dua pesilat Brunei telah melayakkan diri ke pertandingan akhir selepas penyertaan kedua-dua pencabarnya dibatalkan kerana melakukan pelanggaran berat dengan melepaskan pukulan di luar sasaran sehingga para peserta tuan rumah tidak dapat meneruskan perlawanan.

Sufree Chali, yang mewakili Brunei A mendapat kemenangan dalam Kelas C Lelaki setelah Khairi Abdul Rahman didapati menendang leher peserta tuan rumah sehingga terpaksa dikejarkan ke hospital.

Rosiah Abdullah, yang juga mewakili Brunei mendapat kemenangan yang sama dalam Kelas B Wanita setelah Manid Sookkaew didapati melakukan kesalahan yang hampir serupa.

Sementara itu, perlawanan peringkat separuh akhir akan diteruskan mulai 9 pagi ini dan melibatkan beberapa pesilat Republik antaranya termasuk Sheik Aluddin Yaacob dalam Kelas I.



SEMBUNYI KECEDERAAN: Jamal jatuh tergelimpang dalam perlawanan dengan Fuzaldi Abdul Rahman dari Malaysia. Meskipun mengalami kecederaan, namun pesilat Singapura ini menyembunyikan dari lawannya. — Gambar Berita Harian oleh ALBERT SIM. - 8 MAR 1990